

FOTO: SYARAFIQ ABD SAMAD



PENUNTUT universiti yang menyertai Duta Jauhar 2.0 di UTHM, Batu Pahat.

450 peserta berentap rebut **Anugerah Permata**

■ 22 pasukan dari 18 IPT laksana projek berpotensi beri impak kepada masyarakat

Oleh Mohd Hanafis
Abdul Haris
hanafis@hmetro.com.my
Batu Pahat

Sebanyak 22 pasukan dari 18 institusi pengajian tinggi (IPT) seluruh Malaysia berentap bagi merebut Anugerah Permata Kongres Duta Jauhar di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), hari ini. Program Duta Jauhar edisi kedua itu menawarkan beberapa anugerah penting termasuk Anugerah Projek Harapan, Anugerah Komuniti Terbaik, Anugerah Tujuh Transformasi serta beberapa lagi anugerah berkaitan.

Bagaimanapun, Anugerah Permata adalah yang paling dinantikan oleh 450 mahasiswa yang mewakili 22 kumpulan daripada 15 universiti awam (UA) dan tiga institusi pengajian tinggi swasta (IPTS).

FAKTA
450 mahasiswa
wakili 22 kumpulan
daripada 15
universiti awam
dan tiga IPTS

Pengurus Korporat Yayasan Pelajaran Johor, Shahrudin Manas berkata, antara universiti yang menyertai program berkenaan adalah UTHM, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Putra Malaysia (UPM), Institut Sains dan Teknologi Darul Takzim (INSTEDT) dan beberapa lagi universiti seluruh Malaysia.

Menurutnya, kumpulan mahasiswa yang berjaya terpilih menyertai program itu akan melaksanakan projek berpotensi memberi impak dan manfaat kepada pembangunan sosio-ekonomi masyarakat di setiap daerah di Johor.

"Setiap projek hendaklah menetapkan kumpulan sasaran seperti pelajar, golongan belia, usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) serta golongan pendapatan rendah atau miskin tegar.

"Berdasarkan projek berkenaan, peserta akan membentangkan kepada kami sejauh mana keberhasilan projek yang dirangka dan anugerah utama akan diberikan berdasarkan kemampuan dan potensi idea dan usaha ditonjolkan," katanya.

Menurutnya, anugerah yang dipertandingkan merangkumi pelbagai aspek termasuk kerjasama antara mahasiswa dan Anugerah Permata akan disampaikan Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Duta Jauhar adalah sebuah program cetusan menteri besar sebagai usaha membangunkan sosioekonomi rakyat Johor melalui pembabitannya Mahasiswa Anak Johor daripada IPT seluruh negara.

Inisiatif berkenaan adalah pengiktirafan besar kerajaan negeri kepada golongan mahasiswa yang diyakini boleh bersama-sama menyumbangkan idea kreatif dan sumber tenaga dalam menjayakan agenda pembangunan masyarakat dan negeri.



PESERTA
memperlihatkan
kebolehan mereka
melalui inovasi
yang dihasilkan.

PELBAGAI anugerah menanti peserta Duta Jauhar.